

SOALAN NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 3 APRIL 2014

SOALAN :

PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memperhalusi hal berkaitan rakyat Malaysia yang telah lama berada di luar negara untuk mengundi semasa pilihan raya memandangkan mereka ini tiada dalam negara untuk jangka masa yang lama dan tidak mengetahui keadaan sebenar negara.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya yang diluluskan usul penubuhannya di Parlimen pada 3 Oktober 2011 telah mengemukakan 22 syor di dalam laporan akhirnya yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 April 2012. Salah satu daripada syor yang dikemukakan adalah supaya SPR memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia di luar negara sama ada mengundi di Pejabat Perwakilan Malaysia yang berhampiran atau mengundi secara pos. SPR telah membenarkan warganegara Malaysia di luar negara untuk mengundi secara pos dengan syarat-syarat seperti berikut ;

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Pemilih berdaftar;
- (c) Tinggal di luar negara kecuali di Singapura, wilayah Selatan Thailand, Brunei dan Kalimantan Indonesia; dan
- (d) Pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri

Syarat yang mengehendaki Warganegara Malaysia yang berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum pembubaran parlimen atau mana-mana Dewan Undangan Negeri, adalah bertujuan untuk memastikan mereka

membuktikan bahawa mereka masih memberi komitmen kepada negara dan kawasan mengundi dengan berada di Malaysia atau balik ke Malaysia dalam tempoh tersebut.

Adalah tidak adil kepada warganegara Malaysia di luar negara sekiranya dinafikan hak untuk mengundi walaupun mereka ini berada di luar negara kerana mereka telah berdaftar dalam daftar pemilih.

Walau bagaimanapun SPR sentiasa mengkaji penambahbaikan untuk dilaksanakan pada masa hadapan bagi memastikan penjalanan pilihan raya di negara ini dijalankan dengan cekap, telus dan mendapat kepercayaan awam

Sekian. Terima kasih.